



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	14/6/2021	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JP NEGERI PAHANG			

# Syor Hutan Simpan Chini diwartakan Hutan Perlindungan

### RM10 juta akan diguna pulihkan kawasan seluas 202.34 hektar

Oleh Asrol Awang dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Kuantan:** Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) akan mencadangkan keseluruhan Hutan Simpan Chini di Pekan diwartakan sebagai Hutan Perlindungan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984.

Pengarahnya, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin, berkata peruntukan dianggar berjumlah RM10 juta akan digunakan untuk pulihkan kawasan seluas kira-kira 202.34 hektar di hutan terbahit.

Pada Julai 2020, katanya, kerajaan negeri arahkan JPNP menyegerakan aktiviti pemulihan di kawasan ceroboh lombong di Tasik Chini, selain pergiat usaha memulih kawasan lombong melalui Kumpulan Wang Pemulihan Lombong (KWPL) selepas tiada lesen baharu diluluskan sejak 2019.

Beliau berkata, kerajaan negeri melalui KWPL memperuntukkan RM250,000 bagi tujuan pemulihan itu, terutama di zon penampungan seluas kira-kira 13.12 hektar dengan penanaman pelbagai spesies buluh dan tanaman tutup bumi, selain spesies komersial bernilai tinggi bersesuaian



Gambar fail pemandangan dari udara kawasan sekitar Tasik Chini, Pekan.



Keratan akhbar BH, semalam.

seperti pokok merawan siput jantan dan meranti temak nipis.

"Pada Julai tahun lalu, kerajaan Pahang mengarahkan JPNP menyegerakan aktiviti pemulihan di kawasan ceroboh lombong di Tasik Chini seluas 0.45 hektar yang kemudian dilaksanakan dengan kerjasama pihak swasta melalui amalan tanggungjawab sosial korporat mereka.

"Pemantauan berterusan terhadap aktiviti pemulihan kawasan lombong sentiasa dipergiatkan dan pada masa sama, ke-

sedaran dan tanggungjawab pihak pemegang pajakan dan operator lombong turut dipertingkatkan," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, JPNP dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang sentiasa bekerjasama dengan operator lombong dalam memberikan khidmat nasihat teknikal mengenai kepentingan dan keperluan pemulihan setiap kawasan pajakan lombong.

Jabatan itu juga, katanya, dengan kerjasama Kementerian Tenaga dan Sumber Asli merancang Projek Perintis Perhutanan Sosial bersama komuniti Orang Asli di Tasik Chini dan rundingan dengan Orang Asli Kampung Gumum dan Kampung Melai, Pekan dilaksanakan sejak 2018.

Beliau berkata, JPNP melancarkan Kempen '1 pokok, 1 Rakyat Negeri Pahang' menyasarkan penanaman lima juta pokok pada

Pemantauan berterusan terhadap aktiviti pemulihan kawasan lombong sentiasa dipergiat

Mohd Hizamri Mohd Yasin, Pengarah JPNP



tahun ini di Chini selain bagi menyokong dan menjayakan Program Penghijauan Malaysia yang menyasarkan penanaman sehingga 100 juta pokok menjelang 2025.

"Sebagai perancangan pemulihan jangka panjang Tasik Chini, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri ke-8/2019 bersetuju meluluskan Kawasan Rizab Taman Negeri seluas 4,497.25 hektar dijadikan Hutan Simpan Chini mengikut Seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984," katanya.

Di **Putrajaya**, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) menyokong tindakan dan komitmen kerajaan Pahang untuk tidak meluluskan permohonan baharu aktiviti perlombongan di kawasan Tasik Chini.

Menterinya, Datuk Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata Kementerian turut mengalu-alukan keprihatinan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan kerajaan negeri untuk mengambil tindakan serius terhadap kelestarian alam sekitar dan sumber air di tasik itu.